



Ciri-ciri Budaya Dan Tradisi Dalam Penghasilan Pengiklanan : Rekabentuk Seni Visual Tipografi atau Muka Taip didalam Surat Khabar ‘The Malay Mail’.

Pn. Mastura Binti Haji Mohd Jarit

Fakulti SeniLukis & Senireka

Universiti Teknologi MARA, UiTM Shah Alam

Prof Madya Dr. Ruslan Abdul Rahim

Fakulti SeniLukis & Senireka

Universiti Teknologi MARA, UiTM Shah Alam

masturajarit@gmail.com

Abstrak

Penyelidikan ini merupakan satu kajian dimana tipografi atau huruf boleh berdiri dengan sendiri, bagaimana tipografi memainkan peranan yang besar di dalam seni visual terutamanya didalam pengiklanan yang dikeluarkan oleh surat khabar ‘The Malay Mail’ . Bagaimana seni tipografi berperanan didalam menyatakan atau meluahkan emosi dan psikologinya secara visual yang boleh dipaparkan didalam sesuatu pengiklanan, penyelidikan menjurus pengiklanan yang dikeluarkan semasa menyambut Aidilfitri.

Tipografi membawa makna huruf yang telah di ekspirasikan, huruf-huruf ini merangkumi huruf A hingga Z, huruf besar dan juga huruf kecil termasuk dengan setnya sekali iaitu contoh koma, titik dan juga nombor. Tipografi merangkumi aspek dua dimensi dan juga tiga dimensi termasuk media cetak dan juga media digital. Mempelajarinya termasuk fundamentalnya terbahagi kepada bentuk, struktur, konten, message dan eksiprasi. Di dalam merekacipta huruf mestilah dipentingkan isu rentak, susunan barisan, keselarasan, jarak, positif, ruang negatif, illusi yang wujud di dalam ruang yang berlainan dari kenyataan (*illusion of spatial depth to create illusion*). Selain daripada itu amat dititikberatkan seni huruf itu, line, jarak yang boleh di baca dan keadaan yang boleh di baca (*spacing to readability and legibility*). Harus juga kita fahami bagaimana taip/huruf digunakan secara kreatif dan penuh dengan ekspresif.⁴ Penyelidikan secara mendalam dilakukan terhadap taip and huruf untuk dijadikan sebagai bahan seni supaya boleh dikomersilkan. Pemilihan taip atau huruf untuk menghasilkan sesuatu penghasilan seni terutamanya susun letak reka corak sesebuah pengiklanan amat dititik beratkan, jika tidak hasil seninya tidak kesampaian kepada audien yang hendak ditujukan. Sesuatu mesej yang hendak disampaikan mestilah tepat agar membolehkan sesuatu objekif dapat dicapai didalam pengiklanan yang sewajarnya ingin di komersilkan.

⁴ David Jury 2006, p.24

Kajian juga menjurus kepada membuat kajian secara mendalam serta terperinci bagaimana setiap kaedah eksperimentasi dapat digunakan dalam hasil seni visual tipografi terutamanya didalam pengiklanan didalam surat khabar "The Malay Mail" yang dikeluarkan di Malaysia khasnya. Secara amnya seni tipografi Malaysia masih lagi terikat atau terpengaruh dengan gaya barat, walaupun hakikatnya masyarakat kita penuh dengan kreativiti dan semangat. Sememangnya tujuan kajian kita masih menggunakan huruf Roman, tetapi hasilnya diterapkan dengan nilai-nilai kemelayuan yang tak pernah lupakan zaman. Bangsa Melayu penuh dengan identiti dan budaya yang telah sekian lama dikenali dunia, cuma kebelakangan ini kita sebagai pereka cipta terlena dibuai dengan reka bentuk hasilan karya dari barat. Hal ini yang membuat tersentak untuk melakukan sesuatu untuk mengembalikan kegemilangan bangsa Melayu satu ketika dahulu sehingga dikenali setiap pelusuk dunia, sebagaimana Melaka menjadi begitu masyhur sebagai pusat bahasa. Tanpa kita sedari terlambat banyak hasil seni yang kita adaptasikan dari Barat. Kajian ini memperkenalkan kembali kepada pelanggan di Malaysia betapa pentingnya seni tipografi yang memfokuskan kepada seni taip yang akan didaftar kepada identiti Melayu. Secara keseluruhan hasil seninya dan konsep yang akan diketengahkan semuanya dipengaruhi secara totalnya dan kembali ke akar umbi budaya dan tradisi kemelayuan.

Katakunci – Personaliti, Bangsa Melayu, Tipografi, Pengiklanan

Pengenalan

Penyelidik ingin mengetengahkan serta ingin membuka minda bagi memperjelaskan bahawa bahan-bahan penyelidikan ini banyak berkaitan dan berhubung rapat dengan komunikasi, dengan ini dapat dijelaskan wahawasanya kita sebagai pelanggan harus mengetahui bertapa pentingnya mengetahui sesuatu idea yang kreatif boleh diperolehi dari seni tipografi atau sesuatu penggunaan perkataan yang diolah cara penyusunannya. Perkataan pula hanya boleh disampaikan melalui tutur kata dan tulisan begitu juga dengan pengiklanan, sebuah pengiklanan mengeluarkan satu pesanan memerlukan idea dan konsep yang bernas. Di dalam usaha untuk mencapai atau memperolehi konsep yang kukuh ataupun bernas memerlukan seni visual dan penggunaan taip yang sesuai, barulah sesuatu pesanan itu dapat sampai kepada pelanggan yang telah dikenalpasti atau yang ingin ditujukan.

Di dalam setiap karya seni pengiklanan penyampaian kreatif strategi, pemilihan taip serta daya kreativiti seni yang unggul dan perancangan yang teliti harus dilaksanakan dengan teratur dan tepat. Setelah memahami kehendak pelanggan barulah boleh mencerahkan hasil kreativiti seni ke dalam sesuatu produk yang hendak dikeluarkan. Memahami kehendak pelanggan bermakna mendalamai psikologi atau minda mereka, siapa pelanggan kita sebenarnya. Kemudian kita baru boleh membuat garis panduan atau kata kunci maka boleh tercetus dan kempen dapat dilaksanakan sepenuhnya dan pelanggan mendapat apa yang dikehendaki.

Begitu juga dengan cara pemilihan seni taip atau huruf yang tidak sesuai sebagai contoh jikalau tanda amaran yang selalu kita patuhi dengan penggunaan taip yang berkarakter tegas dan menggunakan warna hitam dan berlatarbelakangkan kuning itu di tukarkan dengan penggunaan taip yang berunsurkan kelembutan, taip yang disadurkan dengan bunga-bunga serta diwarnakan dengan warna merah jambu, adakah dengan ini pesanan kepada pelanggan itu sampai.

Tujuan penyelidik ingin mengemukakan pendapat serta ingin mengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci bagaimana peranan taip boleh diambil kira di dalam membentuk masyarakat serta secara tak langsung dapat menghargai nilai-nilai budaya. Penyelidik juga ingin membincangkan bagaimana taip boleh diterapkan dengan nilai-nilai kemelayuan

supaya Seni Melayu itu tidak pupus ditelan zaman, sebagaimana negara lain begitu mengagungkan bangsa mereka begitu juga kita di Malaysia bagaimana kita boleh membantu untuk menaikkan martabat bangsa Melayu itu sendiri menerusi media pengiklanan seni komersil iaitu memfokuskan Senireka Bentuk Tipografi.

Penyelidik ingin mengkaji apakah senario Senibentuk Tipografi di Malaysia. Di mana Malaysia kebanyakannya pereka bentuk tidak mencipta keseluruhan taip dari huruf A hingga Z dan seterusnya keluarga taip itu sendiri. Kebanyakannya pereka hanya tertumpu kepada mengolah serta membuat eksploitasi terhadap sesebuah keluarga huruf yang dipilih atau membuat eksperimen bentuk tipografi yang tertumpu hanya dibahagian merekacipta kepada bahagian yang tertentu, sebagai contoh untuk iklan Hari Raya Aidilfitri pengolahan hanya tertumpu di bahagian Selamat Hari Raya atau pereka hanya memfokuskan kepada tajuknya.

Kepentingan Tipografi atau Muka Taip

Pengkajian atau penyelidikan ini merupakan satu kajian di mana tipografi, muka taip atau huruf boleh berdiri dengan sendiri, bagaimana tipografi memainkan peranan yang besar di dalam seni komunikasi visual terutamanya pengiklanan. Bagaimana tipografi berperanan sebagai tempat paparan didalam menyatakan atau meluahkan emosi dan psikologinya secara visual. Muka taip dicipta bagi melengkapkan hasil karya seni samada dalam bentuk seni komersil atau dalam bentuk seni untuk seni. Kebanyakannya hasil seni cipta muka taip terhasil dari pengaruh dengan alam sekitar ataupun berlaku peniruan dari motif-motif yang diperlambangkan dari sesuatu kebudayaan serta identiti kaum. Penghasilan reka bentuk Muka taip sangat berkait rapat dengan sosial, ekonomi sesebuah negara. Apa yang berlaku dipersekutaran memainkan peranan yang amat besar. Seperti mana yang telah dihujahkan oleh ahli falsafah pertama iaitu Plato yang berbicara tentang seni, menurut beliau seni merupakan kegiatan peniruan iaitu *mimesis*. Segala aktiviti peniruan didalam seni ini berlaku apabila berlaku hasil pemerhatian golongan manusia terhadap alam persekitaran yang boleh menimbulkan suatu konsep yang akan memperjelaskan tentang sesuatu mesej.²

Mengikut pendapat Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari didalam buku Sejarah Bahasa Melayu (2005), Perpustakaan Negara Malaysia, "bahasa merupakan wadah penting didalam perhubungan setiap kelompok Marusia memerlukan bahasa untuk berkomunikasi".

Tipografi membawa makna huruf yang telah dieksplorasi, huruf-huruf ini merangkumi huruf A hingga Z, huruf besar dan juga kecil termasuk dengan setnya sekali iaitu contoh koma, titik dan juga nombor. Tipografi merangkumi aspek dua dimensi dan juga tiga dimensi termasuk media cetak dan juga media digital. Mempelajarinya termasuk fundamentalnya terbahagi kepada bentuk, struktur, konten, pesanan dan eksperasi. Di dalam merekacipta huruf mestilah dipentingkan isu rentak, susunan barisan, keselarasan, jarak, positif, ruang negatif, illusi yang wujud di dalam ruang yang berlainan dari kenyataan (*illusion of spatial depth to create illusion*). Selain daripada itu amat dititikberatkan seni huruf itu, line, jarak yang boleh di baca dan keadaan yang boleh di baca (*spacing to readability and legibility*). Harus juga kita memahami bagaimana muka taip atau huruf digunakan secara kreatif dan penuh dengan ekspirasi.

Penyelidikan secara mendalam dilakukan terhadap muka taip untuk dijadikan sebagai bahan seni supaya boleh di komersilkan. Pemilihan muka taip atau huruf untuk menghasilkan sesuatu penghasilan seni amat dititik beratkan, jika lau tidak hasil seninya tidak kesampaian kepada audien yang hendak dituju. Sesuatu mesej yang hendak disampaikan mestilah tepat supaya ianya membolehkan sesuatu objekif dapat dicapai di dalam seni komersil.

Kajian juga menjurus kepada membuat kajian secara mendalam serta terperinci bagaimana setiap kaedah eksperimentasi dapat digunakan dalam hasil seni visual tipografi di Malaysia khasnya. Secara amnya seni tipografi di Malaysia masih terikat atau terpengaruh dengan gaya barat, walaupun hakikatnya masyarakat kita penuh dengan kreativiti dan semangat. Sememangnya tujuan kajian kita masih menggunakan huruf Roman, tetapi hasilan seninya diterapkan dengan nilai-nilai kemelayuan yang tak pernah luput ditelan zaman. Bangsa Melayu penuh dengan identiti dan budaya yang telah sekian lama dikenali dunia. Cuma kebelakangan ini kita sebagai pereka cipta terlena dibuai dengan reka cipta / hasilan karya dari barat. Hal ini yang membuat kita tersentak untuk melakukan sesuatu untuk mengenangkan kembali kehebatan bangsa Melayu satu ketika dahulu sehingga dikenali di setiap pelusuk dunia, sebagaimana Melaka menjadi begitu masyhur sebagai pusat bahasa. Tanpa kita sedari terlampaui banyak hasil seni yang kita adaptasikan dari Barat.

Kajian ini memperkenalkan kembali kepada pelanggan di Malaysia kursusnya betapa pentingnya seni tipografi yang memfokuskan kepada seni muka taip yang akan didaftar kepada identiti Melayu. Secara keseluruhan hasil seninya dan konsep yang akan diketengahkan semuanya dipengaruhi secara totalnya perlu melihat kembali akar umbi budaya dan tradisi kemelayuan.

Kajian penyelidikan ini membawa maksud dan seterusnya dapat memastikan bagaimana reka bentuk tipografi akan dipergunakan dengan penuh manfaat serta dapat melahirkan konsep serta idea yang dapat megenengahkan ciri-ciri tradisional bangsa Melayu serta tidak sekali-kali melupakan erti kata bahasa melayu itu sendiri. Perkembangan hasil reka bentuk tipografi itu biarlah membawa maksud identiti Melayu serta berhubung kait dengan komunikasi dan alam sekitar. Apa yang perlu dititikberatkan terutamanya sesuatu konsep yang hendak dijanakan mestilah melalui proses atau memandang secara serius tentang betapa pentingnya dan tiada taranya seni reka bentuk tipografi yang akan digunakan itu. Bagaimana kepentingan konsep seni reka bentuk tipografi itu dapat memainkan peranan yang besar secara langsung ataupun tidak langsung di dalam pembangunan seni visual negara serta ianya berkait rapat dari segi corak kehidupan, sosial, ekonomi, politik dan lain-lain. Setiap perubahan dan perkembangan seni reka bentuk tipografi perlu ada unsur pendekatan emosi dan perasaan serta gambaran ringkas personaliti dan keperibadian konsumen supaya setiap matlamat dapat dicapai sepenuhnya.

Didalam buku Manifestasi Tulisan Jawi hasil penulisan Prof.Dr Dzul Haimi menyebut dari hasil tulisan Profesor Emeritus Dato' Dr Asmah Haji Omar menyebut "Tanpa Bahasa Tiada Bangsa Manusia", ⁵: Apa yang dapat di tekankan disini tanpa bahasa bertutur dan bahasa bertulis, sukar untuk mencapai peradaban sesuatu bangsa itu. Perkara ini juga dibahaskan di muka surat pengenalan dalam buku Tradisi Penulisan Manuskip Melayu yang di keluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, pada tahun 1997 bahawa 'Bahasa merupakan wadah penting didalam perhubungan. Setiap kelompok manusia memerlukan bahasa untuk berkomunikasi'. Hal ini juga dapat menjelaskan bahawa penggunaan tulisan amatlah penting dalam membentuk sesebuah institusi didalam perkembangan budaya. Dengan wujudnya seni visual tipografi ianya secara tak langsung dapat mendokumentasikan aspek-aspek penting.

Kita ingin menolak pandangan bahawa Seni Tipografi hanya dianggap satu aspek yang mudah dan tidak berapa penting, jikalau kita lihat secara mendalam penggunaan tipografi

⁵ Rahimah Bujang/Nor Azlin Hamidon 2008
³ Asmah Haji Omar 2005, ms.8

amat meluas ianya bukan sahaja digunakan dari segi editorial majalah serta surat khabar bahkan ianya amat meluas ianya meliputi semua aspek, jika tidak kita sebagai pengguna akan tersesat ataupun tersalah membeli produk yang kita inginkan. Malah ianya meliputi dari segi arkitek, interior, fesyen dan banyak lagi.

Ada juga pendapat yang menyuarakan seni tipografi ini merupakan seni visual yang boleh menjadi penawar apabila sesuatu penulisan di mertabatkan oleh Seni Visual Komunikasi⁶. Begitu juga apa yang diperkatakan di dalam Al-Quran, didalam semua kesenian Islam, Seni Kaligrafi adalah merupakan yang paling penting dan paling menarik⁷. Islam menegaskan bahawa setiap apa yang dicipta dan dianugerahkan dari Allah, adalah merupakan sebahagian daripada kehidupan, yakni kehidupan membawa kepada mengejar semangat yang membawa erti kecantikan didalam bentuk agama, mistik dan idea (*etika*) yang akan membentuk sesuatu penghasilan Seni Visual⁸.

Sejarah Awal Tulisan atau Tipografi Barat

Permulaan Penghasilan Tipografi atau Muka Taip

Penghasilan sesuatu reka corak atau rekacipta tipografi secara meluas dikenalpasti dengan bermula wujudnya mesin percetakan tetapi bagi artis yang mereka bentuk tipografi berpendapat penulisan terhasil semenjak manusia pandai melakar lagi. Bagi kami artis yang berminat dalam mereka bentuk tipografi apa yang perlu dititikberatkan ialah bagaimana sesuatu hasilan seni huruf itu terhasil atau terbentuk dan bagaimana ia diadaptasikan ke peringkat antarabangsa. Bagi mereka yang berminat secara langsung rekabentuk huruf ini terhasil dari huruf Roman yang secara keseluruhan semasa pembinaan '*Trajan column*'. Pada asalnya huruf-huruf yang menggunakan batu ini dipotong setiap karektornya ,ianya tidak boleh menggunakan mesin, ianya dikenali '*incised characters*'.

Bagi sejarah barat atau Eropah pula tipografi bermula dari era percetakan Johannes Gutenberg diperkenalkan sebagai bapa yang memperkenalkan sistem percetakan. Tetapi mengikut originalitinya negara Cina telah memperkenalkan percetakkan yang menggunakan percetakan kayu lebih 400 tahun sebelum Gutenberg memperkenalkan blok percetakannya, cuma tidak didokumentasi secara menyeluruh dan tidak disebarluaskan secara meluas di dunia barat.⁹ Hal ini diperjelas lagi apabila sekembalinya Marco Polo ke Italy setelah beberapa tahun berada Asia Tengah dan Cina, beliau telah menceritakan bahawa semasa beliau berada di Cina beliau dikelilingi oleh tembok yang sangat besar, serta disana terdapat naga serta burung phoenix dan beberapa raksasa. Penduduk tempatan amat sukar untuk mempercayainya dan beliau juga menceritakan bahawa di Cina, masyarakatnya menggunakan wang yang diperbuat daripada kertas, hal ini menambahkan lagi ketidakpercayaan masyarakat di Italy malah telah mentertawakan serta menyatakan beliau gila. Negara Cina telah menggunakan sistem percetakan jauh beratus tahun daripada Barat, tetapi ianya telah dirahsiakan sehingga dapat di kenal pasti oleh pedagang Arab di Samarkand dalam 751 , dan mula tersebar secara rahsia ke Moorish Spain dan seterusnya ke Perancis dalam tahun 1189, ke Italy 1279 dan ke German 1391.¹⁰

Sebelum terhasil atau wujudnya karektor gambaran ringkas tulisan Roman, ia merupakan koleksi beribu tahun tentang sosial, teknologi dan ekonomi serta sejarah lama yang dikumpulkan dengan semangat, kemahiran dan sejarah tersendiri barulah terhasilnya satu

⁶ Dr.Dzul Haimi 2006, ms.26 – ms.32

⁷ Dr.Dzul Haimi 2006, ms.26 –ms.32

⁸ Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004, ms.2 – ms.6


⁹ Danyll Wills 1994, IDN May/June, ms.51

¹⁰ Danyll Wills 1994, IDN May/June, ms.50

penemuan huruf Roman. Bangsa Phoenicians secara meluasnya mempercayai bahawa secara asalnya huruf Roman daripada mereka, walaupun tamadun mereka pupus tetapi sejarahnya kekal itulah yang terdapat pada akhbar, majalah, computer, televisen, buku dan penerbitan, sebagai contoh huruf ‘A’ yang kita gunakan sekarang asalnya diperkenalkan sebagai kepala ox’s, perkara ini penting dalam tamadun ‘pheonician’.¹¹

Sejarah Awal Tulisan atau Tipografi di Nusantara Malaysia

Sejarah penulisan Bahasa Melayu, jikalau mengikut dari segi kronologinya, ianya bermula dari zaman batu atau ‘*Stone Encryptions*’ lagi. Penulisan Melayu hanya di manfaatkan semasa kedatangan Islam, itulah permulaan idea mengadaptasi penulisan Arab. Pada peringkat permulaannya penggunaan bahasa penulisan hanya digunakan di peringkat istana, hanya meluas untuk kegunaan diplomatik, prosa, mitos dan lagenda.



Gambar 2



Gambar 3



Gambar 4

Tulisan Pallava (Gambar 2), rujukan m.s 26, Manifestasi Tulisan Jawi, Mata Wang Pulau Pinang (Gambar 3), rujukan m.s 83, Manifestasi Tulisan Jawi, Batu Bersurat Terengganu (Gambar 4) rujukan m.s 57, Manifestasi Tulisan Jawi Dr Dzul Haimi, (2006)

Pada peringkat permulaan bahasa serta penggunaan tulisan digunakan hanya selepas diperkenalkan oleh pedagang dan juga pendakwah, iaitu kedatangan pedagang dari India yang membawa agama Hindu-Buddha dan bangsa Arab membawa agama Islam. Agama Islam dapat diterima oleh orang melayu secara meluasnya, ini kerana agama Islam memperkenalkan satu aqidah yang dihormati dan tidak memaksa, pendekatannya amat selesa digunakan. Dengan kemasukan pedagang Arab maka seterusnya memperkenalkan tulisan arab, maka dengan itu tulisan arab telah diadaptasikan oleh orang melayu dengan memberi nama tulisan Jawi dengan membuat beberapa penambahan bagi menyesuaikan dengan budaya Melayu itu sendiri.

Sejarah telah membuktikan semenjak di perkenalkan tulisan jawi kepada bangsa Melayu, dunia melayu telah berkembang secara meluasnya. Idea penggunaan bahasa kebanyakannya telah diimpot dari pedagang-pedagang yang beragama Hindu-Buddha, jadi penggunaan bahasa telah diadaptasikan dari dua bahasa ini. Penulisanya pula lebih memberatkan kepada penulisan Arab di dalam Dunia Melayu ianya dikenalpasti sebagai tulisan Jawi, hal ini telah diperjelaskan oleh Nik Hassan¹².

¹¹ Danyll Wills 1994, IDN May/June, ms.50

¹² Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain, Sejarah Bahasa Melayu, 2008, Bab 3, ms.19
Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2004, ms.2 – ms.6

Masyarakat Melayu ketika itu menerima Islam secara terbuka, perubahan agama berlaku tetapi penggunaan bahasa Sanskrit terselamat, Sanskrit bahasa yang telah diperkenalkan oleh Hindu-Buddha, bahasa ini telah digunakan sebelum kedatangan Islam lagi. Daripada senarai penggunaan percatan atau kata-kata prasasti yang merupakan pinjaman dari sanskrit, sebagai contoh ialah ‘svarggah’ dan ‘neraka’, didalam bahasa melayu klasik ‘svarggah’ disebut ‘swarga’, tetapi Sekarang telah ditukar atau disebut syurga. Bagi perkataan neraka pula dituturkan sebagai naraka. Penggunaan text bahasanya telah menjadi sebatи dalam kehidupan masyarakat Melayu dan menjadi bahasa rasmi¹³. Sehingga ke hari ini dan kekal menjadi bahasa bangsa.

Za'ba mengenal pasti "*When Arabic alphabet was introduced for the writing of the Malay language, the system of Arabic orthography might have been applied in too, at least as an experiment*" (Za'ba, op.cit:82) (Musa 1997). Apabila huruf Arab diperkenalkan didalam sistem penulisan bahasa Melayu, maka sistem ortografi juga digunakan dan telah di eksperimentasikan. Bagi pendapat Shellabear pula ialah "*The uniformity in the spelling of the earliest manuscripts would therefore lead us to expect that the system of orthography to which the Arabs originally began to write the Malay language and which they subsequently taught to the Malays, was precisely the same as they themselves used in writing their own language*", isu ini telah dikupas didalam buku Tradisi Penulisan Manuskip Melayu, tahun 1997 di halaman 13, hasil tulisan Hashim Bin Musa, ada mencatatkan idea yang sama, sehingga penggunaan tulisan Arab yang dikenali sebagai tulisan Jawi, telah sebatи dengan masyarakat melayu.

Prof. Syed Mohd Naquib Al-Attas ada menyatakan didalam buku Tamadun Rumpun Budaya yang telah ditulis oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi (2003), bahawa dengan kedatangan Islam ke alam melayu telah menyebabkan berlakunya gerak daya hidup baru yang dapat mencerminkan kefahaman baru.

Sistem Islam telah memberi kesan yang mendalam terhadap sosio-budaya dan sistem beraja, sistem Islam yang dibawa oleh pedagang Arab dan tulisan Jawi telah diperkenalkan secara meluas didalam kesusasteraan Melayu disokong juga dengan pendapat Prof. Syed Mohd Naquib Al-Attas, bahasa Melayu telah berubah dan berkembang secara mendadak dengan memperkenalkan sistem tulisan arab yang juga mempunyai pengaruh Parsi didalamnya. Lama-kelamaan ianya menggantikan bahasa Jawa sebagai bahasa pengantar menganjar agama Islam dan ‘*Lingua Franca*’¹⁴. Begitu juga pendapat James T. Collins, yang dipetik dari buku Tradisi Penulisan Manuskip Melayu,halaman 52 dalam artikel Ciri-ciri Bahasa Melayu Abad Ke-17, ‘Sesungguhnya, bahasa Melayu tidak hanya bertugas sebagai “*lingua franca*”, tetapi yang lebih penting sebagai “bahasa Latin” di Asia Tenggara.

Tulisan jawi seterusnya berkembang dan telah diperbaiki penggunaan bunyi huruf ‘V’ yang dahulunya karektornya diperkenalkan sebagai karektor ‘W’. Mengikut hasil penulisan Hashim bin Musa didalam buku yang bertajuk Tradisi Penulisan Manuskip Melayu, tahun 1997, proses pengadaptasian ini berlaku didalam bahasa Melayu, daripada 29 perkataan huruf Arab, para cendekiawan Melayu telah menambahkan enam huruf baru iaitu ca,pa, ga,nga, nya dan vi (huruf vi telah diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1990'an, (*Institute of Language and Literature*). Penambahan pada tanda-tanda titik pada huruf-huruf yang tertentu adalah bagi memenuhi kehendak atau cara sebutan dari percatan melayu itu sendiri.

Hal ini juga dapat di jelaskan dengan lebih lanjut apabila di kaji sistem ejaan Jawi yang terdapat pada batu Bersurat Terengganu ia merupakan kombinasi daripada sistem ejaan

¹³ Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain, Sejarah Bahasa Melayu, 2008, Bab 3, ms.19

¹⁴ Othman Mohd Yatim,1990,ms.5

dari Arab dengan disesuaikan sistem ejaan Melayu seperti yang ditegaskankan oleh Syed Mohd Naquib Al-Attas (1969) dan Omar Awang (1985), iaitu Batu Bersurat Terengganu adalah bahan bukti yang kukuh dan jelas bahawa sistem ejaan Jawi telah mencapai tahap kesempurnaan dari segi perkembangan iaitu lima huruf baru yang dipadankan daripada huruf Arad, bagi melambangkan bunyi Melayu itu sendiri, ini telah diperjelaskan dengan terperinci oleh Hashim bin Musa , melalui hasil penulisannya, di dalam bab 7, Sejarah Awal kemunculan Dan Pemapanan Tulisan Jawi Di Asia Tenggara, didalam buku ,Tradisi Penulisan Manuskip Melayu, tahun 1997 di halaman 15.

Isu dan Luahan Juru Tipografi (*Typographer or Type Designer or Foundery*) terhadap sesuatu budaya yang diterapkan

Pendapat serta pandangan daripada juru tipografi sangat penting kerana juru tipografi atau pereka cipta huruf mereka cipta tipografi mereka selalunya mengikut isu semasa serta budaya identiti sesebuah karya. Secara tak langsung konsumen dapat melihat serta dapat menghargai bertapa pentingnya tipografi itu sendiri dan bagaimana ianya memainkan peranan bagi menaikkan taraf budaya seseorang atau sesebuah negara itu. Sebagai contoh penyelidik menyenaraikan beberapa pendapat dan hasil karya pereka cipta taip dianataranya adalah:

William Morris

William Morris merupakan satu nama yang tidak asing lagi, hasil seninya hidup sehingga kehari ini, ideanya begitu menyerlah dan kehadirannya dalam dunia reka bentuk grafik tidak dirancang, beliau lebih dikenali sebagai tukang kraf dan penulis puisi. Pada peringkat awal beliau lebih menjurus kearah penulisan. Pada zaman beliau masih tidak wujud perkataan '*typographer*' lagi. Beliau banyak mengenengahkan idea yang berteraskan flora dan fauna¹⁵. Rujuk Gambar 5

Sebagai penyelidik dan merangkap juru tipografi ingin mengenengahkan bagaimana juru tipografi yang ternama dapat menghasilkan ciptaan muka taip atau huruf yang begitu berbeza dan unik mengikut pendekatan individu itu tersendiri mengambil contoh dari juru tipografi yang berbeza dari segi pembawakan dalamannya yang berlainan amat penting untuk dijadikan bahan rujukan serta pengalaman yang mereka lalui akan dijadikan iktibar serta dorongan kepada pereka-pereka di negara kita khususnya. Kerana apa yang hendak ditekankan disini bahawa idea inspirasi untuk membuat dan mereka bentuk tipografi boleh didapati dari banyak aspek yang berbeza.

Wang Min

Pendapat Wang Min yang berasal dari *Zhejiang Academy of Fine Arts* dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke German meneruskan pelajarannya ke Akademic derBildenden Kunste di Munich dan sekarang bekerja sebagai pensyarah di Yale University di Amerika. Wang Ming juga menerima banyak anugerah termasuklah '*Type Director Club certificate of Typographic Excellence, New York*' dalam tahun 1988,1989,1991, dan 1992, dan seterusnya memenangi anugerah '*American Institute of Graphic Arts (AIGA) Certificate of Excellence*'. 1993 dan banyak anugerah lain. Beliau juga merupakan salah seorang *Design Director* yang menyumbang hasil ide kreatifnya kepada negara asal usul beliau semasa sukan Olimpik Beijing 2008. Salah satu hasil kerjanya

¹⁵ N.M.Wells. 1996,ms.10-13

Wang Min melihat di dalam bidang mereka bentuk grafik khususnya bidang tipografi ini merupakan satu bidang atau satu proses untuk menyelesaikan satu-satu masalah. Kita sebagai pereka cipta setiap hari berhadapan dengan mesej yang hendak disampaikan kepada pengguna, inilah satu bahagian yang menyambungkan produk kepada pengguna, kita sebagai pereka bentuk berdepan dengan masalah pengguna yang harus kita selesaikan dimana masalah yang diterima terdiri dari berbagai aspek. Tetapi apa yang perlu ada di dalam minda humous, imaginasi, lojik, dan rasa ‘aesthetic’. Wang Min juga berpendapat supaya jangan diabaikan teknologi yang merupakan kemahiran, dan selalu fikirkan yang kita tiap-tiap hari mempelajari benda baru. Sebagai pereka bentuk kita membantu atau berkhidmat sebagai pembantu masyarakat, bagi mempermudahkan masyarakat berinfomasi dan berkomunikasi sebab hidup penuh dengan harmoni dan keseronokan, menarik dan penuh warna warni¹⁶. Rujuk Gambar 6

Carlos Segura

Carlos Segura pula telah mereka bentuk taip yang diberi nama T26 merupakan salah seorang perekacipta muka taip yang menggunakan sepenuhnya media digital dan juga sebagai pelopor era digital, muka taip T26 telah menular keserata pelusuk dunia. Penglibatan beliau juga secara tidak sengaja. Kehadirannya pada peringkat permulaan hanya bertujuan untuk mereka kulit hadapan cakera padat bagi tujuan musiknya. Beliau merupakan seorang pemain drum dan seorang yang menggemari sukan permotoran, tetapi setelah beliau mencuba melakar seninya di komputer beliau mula jatuh hati, padahal peringkat awal beliau tidak pernah menggunakan komputer. Kejayaan beliau menjadi sumber inspirasi, kerana sekarang Carlos Segura telah memiliki Segura Inc., seterusnya beroperasi seluruh dunia. Apa yang unik tentang Carlos adalah beliau amat mengagumi pereka dari Jepun iaitu Katsu Nagaishi, Yasu Takakato dan Yuki Masaokumura kerana menurut beliau pereka dari Jepun memiliki idea untuk mengeluarkan konsep yang berteraskan budaya, pada mereka memasukkan unsur-unsur budaya tradisi amat penting¹⁷. Rujuk Gambar 7

Huda Smitshuijen AbiFares

Huda Smitshuijen AbiFares yang menulis didalam buku, ‘Typographic Matchmaking, Building Cultural Bridges With Typeface Design’, ‘As designers, we are a crossroad, faced with the challenge of balancing these opposing notions in order to create designs that are truly relevant and representative of our contemporary societies. Typography, by virtue of its ubiquitous nature, can be the ultimate solution to this end Typography and printing have had major influences on human development; they stand as testimony to the benefits of cultural exchange, and they play an essential role in visually representing a cultural’s identity’¹⁸. Rujuk Gambar 8

Oded Ezer

Begitu juga bagi Oded Ezer salah seorang Juru typografi juga merupakan salah seorang yang memenangi beberapa hadiah salah satunya, ‘Certificate Of Excellence In Type Design at the 4th annual competition of the New York Type Directors Club’ dan “Certificate Of Excellence in Type Design at the Bukva;Raz! ATypl contest for his Hebrew font family Maya (2001) dan hadiah Emas dekat International Design Competition of The Nagoya Design Center, Japan, for his typographic poster Plastica (2002). Bagi Oded Ezer menyatakan beliau mendapat inspirasi membentuk atau menghasilkan tipografinya dari kontemporari arkitek yang menarik, dari senihalus dan juga dari perbualan dengan sahabat dan beliau

¹⁶ Danyll Will, IDN 1994, ms.24

¹⁷ Creative Technology, Jan.1997, ms.18

¹⁸ Huda Smitshuijen, 2007, ms.7

menyatakan jarang sekali mendapat ide dari grafik komersil. Tipografi yang diciptanya ialah Eden Fontset, iaitu huruf Hebrew, MAYA Fontset iaitu huruf Hebrew dan siri ‘Biotypegraphy’, ‘Typosperma’. Penyelidik berpendapat Oded sangat kagum dengan budayanya malah beliau mengkaji secara terperinci sehingga melibatkan sains ke dalam hasil rekacipta taip beliau¹⁹. Rujuk Gambar 9




(Gambar 5)



(Gambar 6)



(Gambar 7)



(Gambar 8)



(Gambar 9)

Kepentingan Tulisan Jawi dalam mempengaruhi rekabentuk tipografi yang dipengaruhi unsur-unsur Traditional Melayu atau Kemelayuan

Tiada bandingannya jikalau mengikut sejarah awal idea penggunaan penulisan Jawi adalah penulisan awal bangsa Melayu. Senireka bentuk tipografi Jawi contohnya membawa personaliti yang dipengaruhi dari hasil tulisan Arab. Secara tidak langsung tulisan Arab pula membawa unsur-unsur tradisi masyarakatnya baik dari segi sistem keislaman itu sendiri dan selanjutnya pemahaman agama Islam yang berteraskan Al-Quran yang membawa manusia ke arah kebaikan mempunyai sifat-sifat baik yang akan mendorong ke arah kemakmuran dan kejayaan yang beradab. Kesenian Islam juga berpegang teguh kepada pendirian atau kepercayaan yang tidak mempercayai lebih dari satu tuhan iaitu ‘polytheism’.

Mengikut pendapat penulis Othman Yatim dari hasil penulisannya iaitu ‘*Malay Arts: A Perspective On The Dimension Of Creative Expression*’, apa yang patut diketengahkan ialah dari sudut pandangan bangsa Melayu, seni boleh difahami sebagai sesuatu yang halus, anggun, bergaya, elegan dan disenangi oleh setiap mata apabila menghayatinya. Kesenian Islam juga membawa maksud seni yang membawa kesucian, kemurnian, kebersihan dan ketulenan, seni juga akan membawa atau seterusnya memancarkan sinar terhadap hasilan seni dan kebolehan yang luar biasa kecantikannya²⁰.

Pengaruh Agama Islam amat meluas didalam dunia Melayu termasuklah di dalam sejarahnya telah menjadikan agama Islam sebagai peradaban tamadun bagi bangsa Melayu itu sendiri, bangsa Melayu telah berjaya mendakap atau merangkum kepercayaan kepada Islam dan tidak terkira nilainya serta amat besar dalam pembangunan budaya, tradisi serta

¹⁹ Stephane Giner / Roger Fawcett Tang & David Jury 2007, ms 132

²⁰ Othman Yatim2004, dalam James Bannet 2004, ms. 104

moralnya. Asimilasi atau menyerapan nilai Islam ini dapat membentuk identiti dan personaliti masyarakat atau Bangsa Melayu itu sendiri dengan cara yang diterima baik. Bangsa Melayu berkembang dan mengalami perubahan dengan begitu cepat dan radikal , perubahan ini telah membuatkan perkembangan dan seterusnya dapat melahirkan kesenian yang berunsurkan Kemelayuan ²¹.

Kesenian Islam merupakan asas yang sangat penting didalam memelihara serta mendidik dan seterusnya dapat memupukkan dan memperkuuhkan lagi keseniaan Melayu itu sendiri. Amatlah penting mempelajari serta memahami konsep dan kata dasar kekuasaan Tuhan, yang ideologi bahwasanya Tuhan yang berkuasa ialah Allah yang satu. Ideologi ini harus diamal serta dipraktikkan ²².

Kesenian Islam menjadi dasar yang wujud atau realiti iaitu menolak apa yang bertentangan yang tidak bersesuaian atau yang kontradiksi dengan ajaran Islam. Kesenian Islam itu sendiri tidak dapat dipisah atau diasingkan dengan amalan misi agama Islam yang mengajar manusia sejagat bahwasanya agama Islam penuh dengan nilai serta sifat kebaikan, yang dapat mendorong ke arah kesenangan yang boleh menambahkan kemakmuran dan kejayaan yang anggun dan beradab ²³.

Menurut perspektif Melayu itu sendiri, seni boleh juga difahamkan sebagai suatu hasil kreatif yang sangat halus hasil pembuatannya, anggun, dan jikalau dari pandangan mata ianya begitu mengembirakan. Ianya juga membawa maksud hasil kreatif yang asli dan dapat menyemarakkan atau

dapat membangkitkan sesuatu hasilan kreatif yang dihasilkan dengan kecantikan yang luar biasa atau kebolehan luar biasa. Kualiti hasil kreativiti dalam dunia Melayu boleh didapati atau ditemui dari banyak aspek termasuk arkitek, kesusastraan dan muzik terutama sekali dari hasilan kraf, yang merangkum aspek kehidupan dan persikitaran ²⁴.

Plato yang berpendapat tentang seni yang merupakan kegiatan peniruan iaitu *mimesis*. Segala aktiviti peniruan didalam seni ini berlaku apabila berlaku hasil pemerhatian golongan manusia terhadap alam persekitaran yang boleh menimbulkan suatu konsep yang akan memperjelaskan tentang sesuatu mesej.²

Mengikut pandangan seorang ahli sarjana Barat iaitu Herbert Read seni dibicarakan iaitu berlaku interaksi emosi antara penghayat seni dengan karya kesenian, beliau mendefinisikan seni sebagai suatu usaha untuk mereka atau mencipta sesuatu karya yang mengasyikkan. Seni diulas sebagai sesuatu karya yang mampu atau berupaya dapat menimbulkan suatu rasa kepuasan terhadap diri si pencetus atau kepada manusia sejagat. Hal ini dihujahkan didalam buku beliau iaitu *The Meaning of Art*.²

²¹ Othman Yatim2004, dalam James Bannet 2004, ms. 104

²² James Bannet 2004, ms 92

²³ Othman Yatim2004, dalam James Bannet 2004, ms. 104

²⁴ Abdul Rahman Al-Ahmadi,2004,ms.121

Seperti yang telah dijelaskan selepas kedatangan atau pengenalan tulisan Jawi, maka bermulalah satu era baru bagi dunia Melayu. Seperti yang kita sedia maklum pada peringkat awal bangsa Melayu mengalami masalah penulisan atau tulisan, tetapi dengan kedatangan agama Islam di perantauan Melayu ini dan telah mengambil Islam sebagai falsafah hidup dan menjadikannya sebagai pegangan dan diamalkan. *'It is the Malay Arts (either fine act or performing art) affirming the supreme truth of Islam as is tauhid, meaning the 'oneness of God', that may Islamic Act'.*

Kesimpulan

Penyelidik amat menitik beratkan peranan tipografi di dalam membantu menaikkan atau memartabatkan kebudayaan Melayu itu sendiri. Dengan adanya penyelidikan ini dapatlah mewarnakan negara Malaysia dengan kepelbagaiannya kemunculan idea-idea baru di dalam mengubah dan mereka bentuk seni visual tipografi. Bagaimana penyelidik ingin mengenal pasti dimana berlakunya perubahan konsep dari berkonsepkan ideologi barat kepada sedikit sebanyak ada menerapkan nilai-nilai kemelayuan ke dalam seni tipografi didalam pengiklanan yang dikaji dari tahun 1935 sehingga 1990an. Ungkapan kemelayuan itu sendiri amat besar, Melayu yang diambil kira difokuskan Melayu di Malaysia tetapi penyelidikan dijalankan agak menyeluruh.

Budaya dan bangsa Melayu itu amat kaya khazanahnya, bagaimana penyelidik ingin mengambil isu-isu kemelayuan itu untuk dijadikan bahan untuk mencipta dan seterusnya mendokumentasikannya. Sebagai contoh bangsa Melayu kaya dengan motif flora dan fauna, awan larat yang kita ketahui ianya telah berkembang. Bagi penyelidik idea yang akan diadaptasikan bukan sahaja akan diambil dari motif-motif yang ada, ianya merangkumi bidang yang lebih luas iaitu mengenal pemikiran melayu itu sendiri. Bagaimana penghasilan seni reabentuk tipografi akan dikenalpasti melalui emosi dan perlakuan seorang melayu itu juga akan diambil kira. Sebagai contoh pemikiran melayu itu juga bidang yang begitu subjektif, untuk digambarkan penyelidik akan mengenalpasti bagaimana ianya akan memainkan peranan.

Kami sebagai penyelidik mengakui kita di Malaysia ini mengalami berbagai cabaran, dan cabaran dapat dinyatakan dengan jelas melalui perubahan yang dialami dunia zaman yang serba moden ini. Dunia yang semakin rancak berubah dan bagaimana Malaysia cuba menangani serta menghadapi masalah ini hal ini sebagai contoh didalam pendidikan diterangkan betapa pentingnya tiga aspek iaitu minda, rohani dan jasmani dalam pembinaan sahsiah rakyat. Maka dengan ini dapat diperjelaskan dengan lebih mendalam bagaimana orang Melayu perlu mengamalkan empat kemahiran, luhur, lahir, logik dan lateral secara bersepadu. Dan dalam bahagian Perlakuan Akhlak dinyatakan betapa orang Melayu perlu mangamalkan akhlak merujuk etika barat dan menghayati nilai-nilai murni Malaysia.

Dengan adanya bahasa, kita dapat berkomunikasi dan ianya merupakan satu alat komunikasi yang paling efektif, melalui bahasa manusia dapat menyampaikan apa yang bermain di fikiran, mengungkap keinginan, dan mencurahkan setiap perasan melalui media tulisan atau huruf. Begitu jugalah dengan bahasa Melayu bagi masyarakat melayu telah

dipergunakan sebagai alat komunikasi, secara lisan maupun tulisan. Bahasa Melayu sudah terkenal di Nusantara.²⁵ Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abd. Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua iaitu kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah didasarkan kepada tiga prinsip yakni, (a) kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, (b) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur dalam pembentukannya dan (c) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu. Konsep ini juga telah diterima pakai oleh UNESCO.²⁶

Rujukan

- Asmah Haji Omar, (2005). Kuala Lumpur Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu, Dewan Bahasa
- James Bennet, (2004) Crescent Moon, Islamic Art & Civilisation in Southeast Asia, Art Gallery of South Australia. Adelaide, National Gallery of Australia. Canberra. Gordon Darling Foundation
- Worawit baru @ Haji Ahmad Idris, (2004). Pemikiran Melayu, Tradisi Dan Kesinambungan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Dr. Othman Mohd Yatim & Abdul Halim Nasir (1990), Epigrafi Islam Terawal Di Nusantara
- Dr Dzul Haimi, (2006) Manifestasi Tulisan Jawi, Kementerian Kebudayaan Kesenian Dan Warisan Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia
- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain, (2008) Sejarah Bahasa Melayu
- Rahimah Bujang / Nor Azlin Hamidon, (2008) Kesenian Melayu (Buku Teks Untuk Institusi Pengajian Tinggi)
- Abdul rahman al-Ahmadi, Abu Hassan Sham, Annabel The Gallop, Ding Choo Ming, Hashim Musa, James T. Collins, Jan Just Witkam, Mat Saad Abdul Rahman, Muhammad Haji Salleh, Muhammad Haron, Nindya Noegraha, Raja Hamzah Raja Yunus, Roger Tol, Siti Hawa Haji Salleh, Titik Pudjiastuti, Wan Ali Wan Mamat, Wan Mohd. Shaghir Abdullah, (1997) , Tradisi Penulisan Manuskip Melayu
- Abdul Rahman Al-Ahmadi, (2004) Tamadun Rumpun Budaya Melayu, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia, Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- A. Aziz Deraman (2005) Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur
- N.M. Wells, (1996) Discovering Art, The Life, Times and Work of the World's Greatest Artists William Morris, Brockhampton

²⁵ Worawit Baru@ Haji Ahmad Idris,2004, ms.46

²⁶ A.Aziz Deraman, 2005, Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia,ms.8

Huda Smitshuijzen AbiFares, (2007), Typographic Matchmaking, Building Cultural Bridges With Typeface Design, B/L Khatt Foundation

David Jury,(2004) Reviving The Rules Of Typography, About Face, Roto Vision

Roger Fawcett-Tang & David Jury, (2007) New Typographic Design, London Laurence King Publishing Ltd.

Philip B. Meggs / Alston W. Purvis (2006) Meggs' History of Graphic Design

Fourth Edition... John Wiley & Sons, Inc

Tova Rabinowitz, 2006 Exploring Typography An In-Depth Guide to the Art & Techniques of Designing With TypeThomson Delmar Learning

David Earls 2002 Designing Typefaces ,RotoVision SA Autumn

Leaflet Yayasan Restu Seni Mushaf, Illuminating The Era Continuing The Legacy

Creative Technology, Jan 1996, Rise Of The Cyber Hero, London

Idn, International Designer Network, Vol.1/No.3 , May / June 1994, Hong Kong